

Mahathir anggap pelan damai Trump jadi ancaman

PETALING JAYA: Pelan Damai 20 Perkara mengenai Gaza yang diumumkan oleh Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump hanyalah satu ancaman kepada rakyat Palestin.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, pelan damai itu menurut beliau adalah idea jelas Trump bersama Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu yang mahu mengambil alih Gaza sekali gus mahu rakyat Palestin menyerah kalah.

“Bagaimana kedua-dua perancang ini menjangka Hamas akan bersetuju dan menerima penyelesaian itu adalah sesuatu yang sukar untuk difahami. Gaza telah kehilangan lebih 60,000 nyawa akibat pengeboman Israel.

“Apa yang dicadangkan oleh Trump dan Netanyahu akan menjadikan semua nyawa yang terkorban dan kemusnahan total Gaza sebagai sia-sia. Pengorbanan mereka akan menjadi tidak bermakna.

“Saya tidak akan terkejut jika Hamas menolak cadangan ini. Pembunuhan beramai-

Saya tidak akan terkejut jika Hamas menolak cadangan ini. Pembunuhan beramai-ramai akan diteruskan.”

MAHATHIR MOHAMAD

ramai akan diteruskan, malah dengan sokongan lebih kuat dari AS,” katanya semalam.

Beliau berkata Trump bukan pemimpin berjiwa pendamai kerana sering memberikan ancaman ekonomi dan politik terhadap negara lain.

“Trump menggunakan ancaman tarif tinggi, sekatan ekonomi dan pelbagai tuntutan untuk memaksa pihak-pihak berhenti berperang.

“Beliau sudah gagal. Perang di Ukraine dan pembunuhan masih berterusan. Pembunuhan beramai-ramai oleh Israel juga berterusan,” katanya.